

Pembinaan Menara KL jalan lancar

U.M. 26 AUG 1993

KUALA LUMPUR 25 Ogos — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau berpuas hati dengan kemajuan projek pembinaan Menara Kuala Lumpur di sini.

Katanya, pembinaannya berjalan lancar dan cepat walaupun menara itu hanya dijangka siap menjelang akhir tahun 1995.

"Saya berpuashati dengan kemajuannya yang begitu cepat...," katanya kepada para pemberita selepas meninjau kemajuan pembinaan Menara Kuala Lumpur di sini.

Turut mengiringi beliau ialah Penyelaras Projek Menara Kuala Lumpur, Dato' Mohamed Rahmat dan Datuk Bandar Dato' Dr. Mazlan Ahmad.

Inilah kali kedua Perdana Menteri meninjau projek tersebut. Kali pertama pada 24 Jun lalu.

Dr. Mahathir mengambil masa lebih satu jam meninjau pembinaannya.

Beliau juga sempat meninjau pemandangan Kuala Lumpur dari aras 180 meter.

Ditanya pendapatnya mengenai pemandangan Kuala Lumpur dari aras tersebut, beliau berkata: 'Pemandangan menarik, cuma agak berjerebu sikit...itu belum lagi sampai di puncak...dah rasa gayat.'

Masalah

Kepada satu soalan Dr. Mahathir berkata, beliau tidak pasti cara yang akan digunakan untuk mengatasi masalah cuaca berjerebu di ibu kota tetapi menasihatkan warga kota agar tidak membuat pembakaran secara terbuka.

Menara Kuala Lumpur setinggi 421 meter itu terletak di Bukit Nanas dan apabila siap nanti

akan menjadi menara televisyen ketiga tertinggi di dunia selepas Menara CN di Toronto (553 meter) dan Menara Moscow (537 meter).

Projek yang menelan belanja sebanyak RM270 juta itu telah dimulakan pada bulan Oktober 1991 dan dijangka siap menjelang akhir tahun 1995.

Projek yang dilaksanakan dalam tiga pakej itu juga akan menjadi mercu tanda negara serta mempercepatkan ibu negara menjadi pusat komunikasi serbaguna dan canggih.

Puncak Menara Kuala Lumpur direkacorak dengan reka bentuk Islam 'muqarnas' setinggi enam tingkat.

Ia akan menempatkan sebuah restoran berpusing yang akan dimulakan pembinaannya pada bulan Januari tahun depan dan dijangka siap pada bulan Jun tahun yang sama.